

18 APR 2001

FUIW-Piagam/I

PERSEKUTUAN UNIVERSITI ISLAM WUJUDKAN PIAGAM

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Persidangan kedua Persekutuan Universiti-universiti Dunia Islam (FUIW) telah menerimapiagam untuk persekutuan itu, piagam pertama sejak penubuhannya pada 1987.

"Ini adalah kali pertama sejak penubuhannya pada 1987, FUIW mempunyai piagam yang mengawalselia aktiviti-aktiviti persekutuan," kata setiausaha agung FUIW Dr Abdulaziz Othman Altwaijri kepada pemberita pada acara sampingan persidangan itu di sini hari ini.

Beliau berkata piagam itu mengariskan secara terperinci peranan persekutuan serta prosedur-prosedur tatalaku majlis eksekutifnya serta persidangan agung.

Dr Abdulaziz berkata piagam baru itu juga menggariskan antara lain, peranan sekretariat agung, sistem pengundian, prosedur kewangan dan menyentuh aspek perundangan persekutuan itu.

Mesyuarat tiga hari itu yang dihadiri wakil daripada lebih 90 universiti, dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Dr Abdulaziz berkata mesyuarat itu juga mengesahkan kemasukan 32 buah universiti, yang mengemukakan permohonan masing-masing pada sesi majlis eksekutif keempat, kelima dan keenam, dalam FUIW.

Sesi keenam berlangsung di sini pada 15 dan 16 April.

Persekutuan itu kini dianggotai lebih daripada 180 buah universiti.

Katanya pada hari terakhir persidangan di Kuala Lumpur esok, FUIW akan mengeluarkan satu kenyataan mengenai keadaan di Palestin dan institusi pendidikan Palestin yang bermasalah akibat pencerobohan Israel.

Empat universiti di Palestin adalah anggota FUIW, dua daripadanya tidak menghantar wakil ke sini kerana sekatan pergerakan oleh regim Tel Aviv, katanya.

Dr Abdulaziz yang juga ketua pengarah Pertubuhan Pendidikan Islam, Saintifik dan Budaya (Isesco), berkata FUIW akan mengadakan persidangan agung ketiga di Emiriah Arab Bersatu pada Disember 2003.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir, kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia kerana sumbangan mereka dalam menjayakan persidangan itu.

-- BERNAMA

MAM AHH LAT